

22 AUG 1997

Sabbaruddin-Perhimpunan

ANGGOTA UMNO DIINGAT BAYAR YURAN SETIAP TAHUN

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Anggota-anggota Umno hendaklah menanam semangat cintakan parti dan mendisiplinkan diri dengan membayar yuran RM1 setahun pada tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun, kata setiausaha agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik.

Tanggungjawab menjelaskan yuran yang "lebih merupakan simbolik" itu mestilah ditunaikan setiap tahun jika tidak mereka tidak dapat menghadiri sebarang mesyuarat ataupun mengundi sewaktu pemilihan parti, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas memberi taklimat mengenai Perhimpunan Agung Umno kepada setiausaha-setiausaha bahagian dan setiausaha-setiausaha kerja perhubungan negeri di ibu pejabat parti di sini, petang ini.

Bagaimanapun, katanya, peratus anggota parti yang gagal membayar yuran tahunan masing-masing adalah kecil, tetapi sekiranya 2.6 juta anggota tidak lupa menunaikan kewajipan mereka, pentadbiran parti di peringkat cawangan akan bertambah lebih licin dan teratur.

Sabbaruddin berkata sebanyak 1,905 perwakilan akan menghadiri Perhimpunan Agung Umno selama tiga hari bermula 5 September depan, yang akan dirasmikan presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Perak membawa perwakilan terbanyak iaitu 247 orang.

Seperti biasa, katanya, perhimpunan itu akan dimulakan dengan perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita yang perasmiannya dilakukan serentak oleh Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 4 September di Dewan Merdeka.

Selepas perasmian, Pemuda akan bermesyuarat di Dewan Tun Ismail manala Wanita pula akan bermesyuarat di Dewan Tun Hussein Onn dari pukul 9.45 pagi hingga 6.30 petang, katanya.

Sabbaruddin berkata, menjelang perhimpunan agung itu, iaitu pada 3 September Presiden Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanat kepada semua anggota Majlis Tertinggi (MT), Exco Pemuda dan Wanita, setiausaha-setiausaha dan bendahari bahagian serta ketua-ketua penerangan di Dewan Merdeka pada pukul 4 petang.

Beliau berkata seperti biasa perhimpunan agung kali ini akan membincangkan usul-usul berkaitan agama (termasuk sosial dan pendidikan), ekonomi dan membahaskan ucapan presiden.

"Kali ini kita akan bantangkan satu usul pada sebelah petang hari pertama untuk mengeluarkan perkataan 'Baru' pada nama Umno kerana sekarang tidak ada lagi parti lain selain Umno, tambahan pula Semangat 46 pun sudah tiada lagi," katanya. -- BERNAMA

ZAB PR